

04 DEC 2000

Mahathir-MSC

MSC DAHULUI SASARAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia (MSC) telah berkembang jauh mendahului sasaran yang ditetapkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita melihat masa depan yang cerah bagi teknologi maklumat di Malaysia dan kita yakin MSC akan berjaya," katanya semasa melancarkan perkhidmatan Arcnet NTT MSC Sdn Bhd.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat asing akan mendapati MSC sebagai pusat yang berguna untuk menjalankan penyelidikan dan bagi operasi mereka serta bagi menguji produk masing-masing.

Arcnet, satu keluaran NTT MSC, dibangunkan di Cyberjaya dan menawarkan pelbagai perkhidmatan akses internet dan penyelesaian perniagaan elektronik kepada perbadanan multinasional dan industri kecil dan sederhana serta individu.

Perdana Menteri berkata Malaysia banyak berhutang budi kepada NTT Communications Corp (syarikat induk NTT MSC) yang merupakan satu daripada penyokong kuat projek MSC.

NTT Communications merupakan antara syarikat paling awal datang ke MSC untuk mendirikan pejabat serta pusat penyelidikan dan pembangunan mereka di Cyberjaya.

Langkah dan tindakan NTT itu telah menggalakkan syarikat terkemuka dunia yang lain untuk datang ke Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata syarikat-syarikat besar yang mempunyai keupayaan untuk menjalankan penyelidikan perlu menghasilkan penyelesaian untuk memudahkan perniagaan menggunakan aplikasi teknologi maklumat.

"Kita akan menyaksikan lebih banyak lagi perkara ini, dan di Malaysia kita telah mengeluarkan lesen bagi penyedia penyelesaian jenis ini," katanya.

Perdana Menteri berkata NTT merupakan antara syarikat asing pertama menerima lesen itu dan pembangunan Arcnet akan membantu ahli perniagaan Malaysia meningkatkan keupayaan mereka.

Beliau berkata walaupun penggunaan Internet di Malaysia belum cukup besar pada ketika ini, sasaran yang ditetapkan agak tinggi -- berganda hampir setiap tahun.

Pada 1996, terdapat 90,000 pengguna Internet di Malaysia tetapi hari ini angka itu meningkat kepada lebih satu juta pengguna.

"Saya agak yakin bahawa berdasarkan kadar pertumbuhan itu, mana-mana syarikat menyediakan perkhidmatan yang diperlukan itu akan berupaya memperoleh keuntungan besar," katanya.

Bercakap pada sidang media kemudiannya, Dr Mahathir berkata terdapat beberapa keluaran sampingan dari MSC kerana ada syarikat-syarikat tempatan yang telah menyumbang kepada pembangunan penggunaan teknologi maklumat.

"Mereka juga telah membangunkan sistem yang boleh diguna pakai di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

MK DVS RHM MAI